

PM: Kita tak rasa bersalah ketepikan cara tadbiran Barat

UM 20 FEB 1990

KUALA LUMPUR 19 Feb. — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia tidak merasa bersalah kerana tidak mengikut tafsiran Barat mengenai cara mengendalikan pentadbiran negara.

Beliau berkata, Malaysia percaya dengan pentafsiran Timur mengenai kerajaan awam dan kepentingan awam atau cara ia mengendalikan masyarakatnya.

"Kita tidak perlu dikuasai sepenuhnya dengan cara pemikiran Barat kerana kita memiliki cara berfikir yang tersendiri dan saya tidak fikir kita selalu berada di tempat yang silap apabila berbuat demikian," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata demikian pada sidang kemuncak melalui satelit yang dianjurkan oleh Yayasan Akhbar Asia yang kini sedang mengendalikan Perhimpunan Satu Asia kali keempat di Manila.

Pandangannya yang bernas dan tepat pada soalan mendapat

terpukan pertama dari para hadirin yang terdiri dari usahawan, ahli politik dan pengarang akh-

bar yang menyaksikan siaran tersebut di Pusat Persidangan Antarabangsa Manila apabila beliau mencabar salah seorang ahli panel yang bertanya mengenai bahaya mencampurkan agama dengan kerajaan awam.

Selain dari Dato' Sri Dr. Mahathir yang bercakap dari Angkasapuri, lain-lain pemimpin Asia yang mengambil bahagian dalam sesi soal jawab itu ialah Presiden Cory Aquino yang bercakap dari Istana Malacanang, Perdana Menteri Pakistan, Puan Benazer Bhutto, Perdana Menteri Korea Selatan Kang Young Hoon yang mewakili Presiden Roh Tae Woo dan Menteri Luar India, Inder Gujral yang mewakili Perdana Menteri V.P. Singh.

Rancangan sejam itu dikendalikan oleh wartawan veteran Amerika, Eric Bernard Kalb.

Beliau menghubungkan para pengarang akhbar Asia yang menjadi ahli panel rancangan itu, dari India, Pakistan, Jepun dan Filipina di Pusat Persidangan Antarabangsa Manila kepada pemimpin-pemimpin tersebut melalui satelit yang disiarkan secara langsung ke seluruh Asia dan sebahagian besar dunia.

Sambil menegaskan pendapat bahawa pemerintahan hendaklah diasingkan dengan agama adalah pandangan Barat, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau memilih takrif Timur bagi nilai itu.

"Apa yang saudara kemukakan itu adalah pandangan saudara yang lebih merupakan satu pandangan Barat tulen. Saya percaya satu pentafsiran Timur mengenai apa yang dimaksudkan dengan tanggungjawab awam dan bagaimanakah caranya kami

LIHAT MUKA 2

PM: Kita tak rasa bersalah ketepi cara Barat

20 FEB 1990

mengendalikan masyarakat kami.

"Jika kami berlainan dengan Barat ia tidak bermakna sama sekali yang kami ini silap. Inilah masalahnya yang kita semua hadapi sekarang iaitu pentafsiran sepenuhnya mengenai masyarakat, salah dan betul terlalu dikongkongan kepada apa yang ditafsirkan oleh Barat," ujarnya sebagai menjawab soalan Editor The Hindu dari India, Encik.N. Ram.

Menjawab satu lagi soalan mengenai campuraduk agama dengan pemerintahan sekular Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, di Malaysia kebanyakan orang taat kepada suruhan agamanya dan oleh itu pandangan mereka sudah tentulah akan memberi kesan kepada dasar-dasar negara.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, soalnya ialah bagaimanakah hendak mengendalikan pandangan golongan ekstrimis.

"Tetapi sama ada kita perlu mendengar atau terpengaruh dengan pandangan yang ekstrim adalah bergantung kepada kita sendiri malah tidak ada jaminan bahawa konflik tidak akan wujud jika sesebuah negara itu mengamalkan ciri-ciri sekular," kata Perdana Menteri.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak nampak kenapa agama tidak patut diambil kira dalam politik sesebuah negara.

Mengenai demokrasi, Dato' Sri Dr. Mahathir sekali lagi mendapat tepukan gemuruh apabila beliau mengemukakan pandangannya mengenai takrif demokrasi.

Katanya, ramai yang terlalu mempercayai bahawa demokrasi tulen akan membawa kesejahteraan dan kebenaran kepada sese-

buah negara demokrasi hanya akan membawa kebaikan jika rakyat tahu batas-batas demokrasi itu sendiri.

Beliau berpendapat, jika rakyat fikir bahawa melalui demokrasi mereka boleh keluar di jalan raya dan mengadakan satu demonstrasi serta mengancam orang yang mereka tidak sukai maka demokrasi dengan sendirinya tidak memberi sebarang makna lagi.

"Dalam usaha untuk menjadikan demokrasi satu realiti, kita perlu menanya diri kita semula apa baiknya demokrasi. Jika kita tidak mendisiplinkan diri kita dan oleh itu sudah tentu pula akan wujud pemerintahan autoritarian," ujarnya.

Dato' Sri Dr. Mahathir sekali

lagi menghubungkan-kaitkan soal demokrasi apabila ia ditanya mengenai pengajaran yang boleh didapati ketika memasuki era 90-an.

Beliau berkata negara - negara Asia mampu menjadi seperti Jepun, Korea dan Taiwan tetapi untuk mencapai maksud ini Asia memerlukan kestabilan politik terlebih dahulu.

"Setengah orang berpendapat menjatuhkan kerajaan dengan cara demonstrasi adalah demokratik," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Pengerusi majlis Bernard Kalb mencelah dengan berkata: "Oleh itu apakah yang sedang berlaku di blok timur Eropah sekarang sebagai hebat?"

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata

ia memang hebat kerana rakyat telah menjatuhkan satu pemerintahan kuku besi tetapi apakah yang akan terjadi jika rakyat terus menjatuhkan kerajaan yang demokratik setiap waktu dan masa.

"Jika ini berlaku, akan wujud satu sistem anarki. Apakah ini yang kita mahu?," tanya beliau. Encik Bernard Kalb berkata apakah kita ada pilihan lain?

"Ya, kita ada pilihan dengan belajar untuk menghadkan erti demokrasi yang dilaung-laungkan selama ini dan kita jangan sekali-kali menyalahgunakan kebebasan melalui demokrasi. Jika tidak kita tidak akan melihat wujudnya demokrasi lagi di dunia ini," katanya sambil mendapat tepukan gemuruh.